

# OBD Kuala Langat letak jawatan

Mahu beri peluang kepada muka baharu selepas 28 tahun berkhidmat

**BANTING** - Orang Besar Daerah Kuala Langat, Raja Datuk Uzair Tengku Zainon Rashid Shah bakal meletak jawatannya sebagai Ahli Majlis, Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dan melepaskan jawatan Orang Besar Daerah (OBD) berkuat kuasa 31 Disember tahun ini.

Menurutnya, beliau yang sudah berkhidmat sebagai ahli majlis dan menggalas jawatan OBD selama 28 tahun itu membuat keputusan mengejut pada mesyuarat berkenaan bagi memberi peluang kepada orang baharu meneruskan tugas tersebut.

"Biarlah Tuanku (Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj) membuat keputusan siapa yang bakal menggantikan saya.

"Saya buat keputusan ini




**Raja Dato Uzair bersalaman dengan Azhar (kanan) selepas selesai Mesyuarat Penuh MDKL, sambil diperhatikan Setiausaha MDKL, Mohd Yasin Alwi, semalam.**

kerana ingin menumpukan perhatian kepada keluarga dan berehat, lagipun usia saya pun dah meningkat," katanya yang mengumumkan

peletakan jawatannya pada Mesyuarat Penuh MDKL di Bilik Cempaka Kuning, semalam.

Raja Datuk Uzair, 79, ber-



**RAJA DATUK UZAIR**

kata, beliau bagaimanapun tetap memberi sokongan kepada semua ahli majlis untuk terus berkhidmat untuk rakyat.

Katanya, beliau gembira apabila sepanjang menjadi ahli majlis, semua rakannya memberi kerjasama baik.

"Walaupun melibatkan pelbagai ideologi atau bangsa sekalipun, mereka tetap bersatu hati dalam membuat ke-

putusan dalam mesyuarat.

"Bagi saya tiada perbezaan pemerintahan zaman BN atau zaman Pakatan, yang pasti semua ahli majlis saling bantu satu sama lain," katanya.

Baginya, biasalah jika kadang kala terdapat isu panas dalam sesuatu agenda namun ia bukanlah menunjukkan mereka tidak bersatu.

Katanya, paling penting bila sudah berkumpul dalam mesyuarat, beliau nampak semua ahli majlis mahu menyuarakan idea.

"Bagi saya, ahli majlis merupakan satu jawatan penting dan amanah rakyat yang perlu digalas dengan jujur tanpa sebarang masalah dalam setiap komuniti atau zon yang diamanahkan," katanya.

Dalam pada itu, beliau tidak mengusulkan siapa peng-

gantinya kepada mana-mana pihak namun menegaskan beliau menyerahkan sepenuhnya kepada Tuanku.

Katanya, beliau tidak mahu dilabel sebagai pilih kasih tetapi tetap memberi sokongan kepada siapa sahaja yang bakal menggantinya.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, beliau turut terkejut menerima pengumuman daripada OBD dan terpaksa akur menerima keputusannya.

Katanya, sepanjang menjalankan tugas, beliau merupakan seorang yang disenangi ramai dan mesra.

"Saya terkejut apabila mendengar pengumumannya dalam mesyuarat tadi, sebelum ini tak ada pun dengar ura-ura beliau hendak bersara," katanya.